



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SATU PERBANDINGAN KESAN DI ANTARA DUA KADEAH
PENGAJARAN KATA KERJA BAHASA MELAYU TERHADAP
PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN DUA**

SARIMAH BT. SALLEH

FPP 1998 29

SATU PERBANDINGAN KESAN DI ANTARA DUA KAEDAH
PENGAJARAN KATA KERJA BAHASA MELAYU TERHADAP
PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN DUA

Oleh

SARIMAH BT. SALLEH

Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk Mendapatkan
ijazah Master Sains Di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia

MEI 1998



PENGHARGAAN

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kudrat dan iradatnya akhirnya kertas projek ini berjaya juga disiapkan . Banyak pihak yang telah membantu dalam menyempurnakannya. Penulis amat terhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka, terutama:

Kepada Penyelia kertas projek, iaitu Dr. Abdul Patah Abdul Malek kerana bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penyelenggaraan kertas projek ini.

Kepada Pengetua, Penyelia Petang, guru-guru dan pelajar-pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Bukit, Kajang, Selangor , kerana sudi memberikan kerjasama yang sangat baik dan ikhlas dalam usaha merealisasikan penyelidikan ini.

Kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan guru seperjuangan , dan sesiapa sahaja yang turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kertas projek ini.

Akhir sekali, penyempurnaan kertas projek ini hanya dapat menjadi kenyataan kerana dorongan dan gaiakan daripada semua ahli keluarga yang sentiasa memahami.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	v
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	x

BAB

1 PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	9
Soalan Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Batasan Kajian	14
Definisi Istilah	16
Kaedah Deduktif	16
Kaedah Induktif	17
Bahasa Melayu	19
Kata Kerja	19
Pelajar	20
Pandangan Pelajar	20
Pencapaian Akademik	20

2 SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN

Pengenalan	22
Teori Pembelajaran Kod-Kognitif	23
Teori Pembelajaran Pembentukan Habit	24
Kajian-kajian Kesan Dua	
Pendekatan Pengajaran Bahasa	26

3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	51
Rakabentuk Kajian	51
Subjek	52
Peraitan (Instrumen)	54
Ujian Kecekapan Kata Kerja Bahasa Melayu	55
Soal Selidik Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	55
Soal Selidik Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	57
Tempoh Penyelidikan	59
Jadual Kegiatan	60
Prosedur Kajian	61
Pengajaran	61
Ujian Dan Soal Selidik	62
Cara Menganalisa Data	63
Ujian Kecekapan Kata Kerja Bahasa Melayu	63
Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	64
Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	64
4 HASIL KAJIAN	
Pengenalan	65
Pencapaian Bahasa Melayu	65
Perubahan Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	72
Perubahan Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	75
Ringkasan Penemuan	79
5 KESIMPULAN PENEMUAN PENTING DAN CADANGAN	
Kesimpulan Penemuan Penting	82
Cadangan	86
BIBLIOGRAFI	93
LAMPIRAN	
A Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (Kata Kerja Bahasa Melayu)	98
B Soal Selidik Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	103
C Soal Selidik Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu	107

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Taburan Pelajar Mengikut Jantina Dan Bangsa Bagi Kumpulan A	53
2 Taburan Pelajar Mengikut Jantina Dan Bangsa Bagi Kumpulan B	53
3 Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu	54
4 Jadual Kegiatan Bagi Seluruh Penyelidikan	60
5 Pencapaian Dalam Ujian Kecekapan Menguasai Kata Kerja Bahasa Melayu Sebelum Dan Selepas Pengajaran.	66
6 Perkembangan Tingkat Pencapaian Bahasa Melayu (Perbandingan Antara Kumpulan Kaedah)	67
7 Perkembangan Tingkat Pencapaian Bahasa Melayu (Perbandingan Antara Kumpulan Jantina)	69
8 Kesan Kaedah Induktif Kepada Pelajar Bukan Melayu Sebelum Dan Selepas Pengajaran	70
9 Kesan Kaedah Deduktif Kepada Pelajar Bukan Melayu Sebelum Dan Selepas Pengajaran	71
10 Kesan Kaedah Induktif Kepada Pelajar Melayu Sebelum Dan Selepas Pengajaran	71
11 Kesan Kaedah Deduktif Kepada Pelajar Melayu Sebelum dan Selepas Pengajaran	72
12 Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu Sebelum Dan Selepas Pengajaran.	73
13 Perubahan Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu (Perbandingan Antara Kumpulan Kaedah)	74

14	Perubahan Sikap Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu(Perbandingan Antara Kumpulan Jantina)	75
15	Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu Sebelum Dan Selepas Pengajaran	76
16	Perubahan Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu (Perbandingan Antara Kumpulan Kaedah)	76
17	Perubahan Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu (Perbandingan Antara Kumpulan Jantina)	78

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains

SATU PERBANDINGAN KESAN DI ANTARA DUA KAEADAH PENGAJARAN KATA KERJA BAHASA MELAYU TERHADAP PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN DUA

Oleh

SARIMAH BINTI SALLEH

MEI 1998

Penyelia : Dr. Abdul Patah Abdul Malek

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Salah satu aspek yang menjadi masalah yang besar di kalangan pelajar ialah aspek tatabahasa. Aspek tersebut merupakan satu daripada aspek bahasa yang penting yang perlu dikuasai oleh seseorang untuk membolehkannya menguasai bahasa yang dipelajarinya dengan cekap dan berkesan.

Masalah penguasaan tatabahasa di kalangan pelajar berkait rapat dengan perkaedahan mengajar tatabahasa itu sendiri. Kaedah mengajar tatabahasa yang berkesan perlulah digunakan kerana perkaedahan merupakan salah satu faktor yang mungkin memberi pengaruh kepada kecekapan dan kebolehan pelajar-pelajar dalam

proses pembelajaran bahasa di sekolah.

Oleh itu, tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti perkaedahan manakah yang lebih sesuai untuk mengajar kata kerja Bahasa Melayu (BM) di peringkat menengah rendah.

Subjek kajian terdiri daripada 80 orang pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Bukit, Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Dua kaedah pengajaran yang dipilih ialah kaedah induktif dan kaedah deduktif. Data dikumpul melalui dua cara iaitu Ujian Pencapaian Kata Kerja BM dan soal selidik. Ujian pencapaian dibuat untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar sebelum dan selepas pengajaran. Borang soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat tentang latar belakang pelajar, sikap dan minat terhadap pelajaran BM.

Data dianalisis dengan menggunakan ujian t untuk melihat perubahan pencapaian, sikap dan minat terhadap pelajaran BM sebelum dan selepas pengajaran.

Keputusan kajian menunjukkan kumpulan pelajar yang diajar dengan kaedah induktif memperlihatkan pencapaian yang lebih baik daripada kumpulan yang diajar melalui kaedah deduktif. Keputusan ini

menunjukkan dari segi kemajuan tingkat pencapaian menguasai kata kerja BM, kaedah induktif adalah lebih berkesan daripada kaedah deduktif.

Penemuan kajian ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran yang sesuai merupakan satu faktor yang penting yang perlu diberi perhatian yang wajar oleh guru-guru bahasa di sekolah iaitu di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Guru bahasa perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian pelajar yang diajarnya supaya pelajar mendapat sesuatu yang bererti daripada pengajaran tersebut.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the
degree of Master of Science.

A COMPARATIVE STUDY ON TWO DIFFERENT METHODS OF TEACHING
MALAY LANGUAGE ADVERBS TO FORM TWO STUDENTS.

By

SARIMAH BINTI SALLEH

MAY 1998

Supervisor : Dr. Abdul Patah Abdul Malek

Faculty : Faculty of Educational Studies

One of the major problems of learning a language is to understand its grammar. This aspect of language is crucial to enable the students to use the language efficiently and effectively.

This problem is closely related to the ineffective teaching techniques employed by the teachers. A proper and effective teaching method should be applied since method does influence student's proficiency in acquiring the grammar skill. Hence, the purpose of this research is to identify the most efficient way of teaching Bahasa Melayu adverbs in secondary schools.

Eighty respondents were selected among standard two students from Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Bukit, Kajang. Two methods of teaching are chosen for the study, inductive approach and deductive approach. Data was compiled based on the two techniques, Bahasa Melayu 'kata kerja' achievement test and questionnaire.

The achievement test was conducted to see the students' performance before and after the experiment (inductive and deductive approaches). Whereas, questionnaire is divided into two parts, students' backgrounds and profiles as well as students' perceptions and attitudes towards Bahasa Melayu subject.

The data is analyzed by using the t test method in order to examine the distinction or variation in the achievement test, students' perceptions and attentiveness towards Bahasa Melayu subject before and after the experiment.

Research findings showed that students who had been taught with inductive approach had shown a significant improvement compares to the others students using deductive approach. The finding implies that inductive approach is more effective than deductive approach.

The result has proven that the right teaching approach or technique is a major factor that contributes to the improvement of learning process. Therefore, language teacher should emphasize the right teaching approach, so that language learning can be less challenging.

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaannya sehingga kecemasan sekarang Bahasa Melayu telah dipilih dan dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Ini selaras dengan kehendak-kehendak yang tercatat di dalam Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960). Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diwujudkan berdasarkan perakuan yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia Fasal 152, adalah bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu padu melalui sistem persekolahan yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai pengantar yang utama .

Sehubungan itu pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah telah dimulakan sejak tahun 1961 dan diberikan secara intensif untuk menjamin pencapaian yang baik dalam mata pelajaran tersebut. Lebih-lebih lagi matapelajaran ini dijadikan svarat utama untuk mendapat kelulusan dalam peperiksaan awam seperti PMR, SPM dan SPVM (Kementerian Pendidikan Malaysia ,

1987 : 84). Namun apa yang selalu dipersoalkan ialah kelemahan pelajar-pelajar dalam menguasai bahasa tersebut. Terdapat ramai pelajar yang tidak dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan betul, menyebabkan berlakunya kesalahan penggunaan bahasa sama ada dari segi imbuhan, perkataan, frasa dan ayat, atau dengan kata lain kesalahan morfogi dan sintaksis , malah dari segi semantik juga.

Punca segala fenomena ini disebabkan oleh latar belakang pendidikan yang berbeza. Di samping itu, pengetahuan sedia ada pelajar-pelajar boleh menjadi pemudah atau penghalang kepada penerima pembelajaran yang baru. Justeru itu, murid-murid yang mempelajari Bahasa Melayu di sekolah juga tentunya mempunyai pengetahuan sedia ada tentang Bahasa Melayu yang berlainan.

Peranan gurulah yang akan menentukan penguasaan bahasa yang baik melalui pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dengan tahap pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar. Guru yang menyampaikan pelajaran dengan menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dan menarik dapat melaksanakan beberapa aktiviti dan menggembirakan pelajar-pelajar (Kamarudin Hj. Husin, 1986 : 88).

Dalam pengajaran bahasa seseorang guru yang baik itu harus sentiasa memikirkan kekurangan-kekurangan yang ada pada

dirinya dalam usaha melahirkan satu bentuk pengajaran yang baik dan berkesan sejajar dengan matlamat dan objektif yang telah diietapkan di dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu.

Menurut pandangan Corder(1981) guru bahasa yang baik perlu mempunyai satu set prinsip tentang bagaimana caranya bahasa itu perlu diajarkan atau dipelajari. Sehubungan itu, guru yang ditugaskan mengajar pelajar-pelajar yang berlainan latar belakang sosial, ekonomi dan pendidikan, perlulah tahu menyesuaikan pendekatan, kaedah dan teknik agar boleh menimbulkan motivasi pelajar-pelajar.

Namun begitu, salah satu aspek yang menjadi masalah yang besar di kalangan pelajar ialah aspek tatabahasa. Aspek tersebut merupakan satu daripada aspek bahasa yang penting yang perlu dikuasai oleh seseorang untuk membolehkannya menguasai bahasa yang dipelajarinya dengan cekap dan berkesan (Juriah Long, 1994 : 229).

Secara umumnya tatabahasa ialah "sistem peraturan dan undang-undang sesuatu bahasa yang diketahui oleh masyarakat penutur bahasa itu. Sistem, peraturan dan undang-undang dalam struktur bahasa itu akan menghasilkan rumus-rumus baru yang

dipersetujui oleh masyarakat itu kerana bahasa itu sifatnya dinamik, hidup berkembang bersama dengan masyarakat penuturnya.

Persoalannya mengapakah tatabahasa menjadi satu aspek yang perlu diberi perhatian utama. Untuk menjawab persoalan ini kita harus melihat dan meneliti tujuan pengajaran tatabahasa di sekolah. Dalam pembelajaran tatabahasa ini, tujuan pelajar mempelajarinya sangat penting. Kalau pelajar mempelajari tatabahasa dengan menganggap pembelajaran paradigma, pola, rajah-rajab tertentu sebagai tujuan pembelajaran itu sendiri, maka itulah yang dikuasainya sebagai rumusan tatabahasa yang bermakna (Abdullah Hassan, 1987 : 412). Antara tujuan pengajaran tatabahasa termasuk seperti yang berikut:

1. Pengetahuan mengenai tatabahasa biasanya menjadi asas dalam logika. Mereka yang mengetahui tatabahasa akan dapat menyusun hujahan-hujahan dalam bahasa yang rapi.
2. Kefahaman tatabahasa membolehkan pelajar bertutur dan mengarang dengan lancar, jelas dan mudah difahami.
3. Kefahaman tatabahasa berguna kepada orang-orang dewasa atau pelajar-pelajar di peringkat tinggi, terutama kepada bangsa asing, kerana mereka lebih suka belajar menerusi rumusan yang tertentu.

4. Kefahaman tatabahasa membolehkan pelajar lebih jelas memahami pegertian sesuatu perkataan atau ayat dengan menganalisis kedudukannya.
5. Kefahaman tatabahasa penting untuk peperiksaan kerana ada soalan-soalan bahasa yang khusus mengenai tatabahasa.
6. Kefahaman tatabahasa membolehkan pelajar menentukan sama ada sesuatu ayat itu mengikut rumusan tatabahasa atau tidak.

Menurut pemerhatian pengkaji masalah penguasaan tatabahasa di kalangan pelajar berkait rapat dengan perkaedahan mengajar tatabahasa itu sendiri. Jadi, kaedah mengajar tatabahasa yang berkesan perlulah digunakan. Untuk memastikan apakah kaedah yang berkesan itu kajian yang boleh dipertanggungjawabkan perlulah dibuat. Perkaedahan merupakan salah satu faktor yang mungkin memberi pengaruh kepada kecekapan dan kebolehan pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran bahasa di sekolah.

Pernyataan Masalah

Gambaran tentang kedudukan pengajaran tatabahasa di sekolah-sekolah kita sekarang, kebanyakannya merupakan

pemerhatian semata-mata, tanpa kajian yang mantap dan yang dapat dipertanggungjawabkan. Namun tentulah ada sebabnya mengapa perkara ini mendapat perhatian umum. Dalam hal ini masyarakat telah mencuba menilai pengajaran tatabahasa melalui hasil yang dapat diteliti daripada penulisan atau keputusan peperiksaan pelajar mengenai aspek tatabahasa. Jikalau pelajar tidak dapat menghasilkan struktur yang gramatis maka sudah pastilah ia tidak mengenal struktur yang gramatis. Hal ini bermakna pelajar itu telah gagal dalam penguasaan tatabahasa.

Dalam hal ini, siapakah yang hendak dipersalahkan; si pengajar atau si pelajar atau mungkinkah ada faktor-faktor lain yang menjadi penyebab. Adakah puncanya terletak pada ketiadaan pendekatan atau kaedah yang sesuai untuk pengajaran tatabahasa atau kerana masalah tatabahasa itu sendiri yang menyukarkan para pelajar menguasainya.

Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa tidak terdapat satu kaedah atau pendekatan mengajar tatabahasa pada semua peringkat di sekolah kita, yang boleh dipertanggungjawabkan. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa terlalu banyak guru Bahasa Melayu yang kurang mengenali kaedah mengajar tatabahasa, yakni satu masalah yang sama juga dengan tatabahasa itu sendiri. Keadaan ini timbul disebabkan oleh:

1. Kurangnya latihan dalam kaedah mengajar tatabahasa semasa dan selepas latihan perguruan.
2. Ketiadaan pendekatan dan kaedah mengajar tatabahasa yang umum difahami oleh guru.
3. Pengajaran tatabahasa yang berasaskan pengalaman sendiri.
4. Tindakan guru yang masih dengan kebiasaan lama dan mengajar tatabahasa secara formal walaupun dalam sukanan pelajaran dinyatakan dengan jelas bahawa tatabahasa tidak harus diajarkan secara formal ; atau kerana kurang pasti dengan konsep penggabungjalinan dalam pengajaran aspek kemahiran bahasa.

Sehubungan itu, terdapat beberapa soalan yang kerap ditanya berhubung dengan pendekatan yang digunakan:

1. Perlukah pelajar diberi contoh tentang rumusan atau pola bahasa sehingga dia memahami generalisasi tatabahasa dan dapat menerbitkan ujaran-ujaran bahasa?
2. Perlukah pelajar diberi pola atau rumusan tertentu yang kemudiannya dibincangkan sehingga pelajar dapat menggunakanya untuk menerbitkan ayat?

3. Patutkah pelajar diberi latih tubi tertentu bagi membentuk tabiat dalam menggunakan sesuatu unsur bahasa itu?
4. Patutkah pelajar diberi rumusan tatabahasa sehingga dia memahaminya dan dapat menerbitkan ayat?

Persoalan berhubung dengan pendekatan yang dapat digunakan sering bermain di kepala guru. Namun pendekatan-pendekatan pengajaran tatabahasa perlulah diketahui oleh guru oleh sebab setiap satunya berdasarkan falsafah yang berlainan dan tidak semuanya mempunyai kesan yang sama kepada setiap pelajar. Patutkah semuanya dicuba supaya yang terbaik dapat dipilih untuk pelajar yang berlainan? Persoalan ini sukar dijawab.

Kaedah mengajar yang tertentu dan baik dijangkakan dapat menjamin kejayaan dalam pembelajaran bahasa dan seterusnya membawa kepada kejayaan-kejayaan dalam matapelajaran-matapelajaran yang dipelajari di sekolah. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji ingin mengkaji dan mendapatkan bukti secara empirikal mengenai pendekatan manakah di antara kedua-dua pendekatan yang digunakan iaitu pendekatan induktif dan deduktif lebih berkesan kepada pelajar-pelajar. Berkesan di sini bermaksud berlaku peningkatan pencapaian mereka setelah mengalami pembelajaran berdasarkan pendekatan-pendekatan

tersebut. Pelajar yang mengikuti kaedah yang mana didapati mencapai tingkat penguasaan yang lebih baik. Pencapaian tingkat penguasaan ini dimaksudkan dengan pencapaian dalam memahami aspek-aspek tatabahasa yang diajar iaitu kata kerja berdasarkan ujian yang diberi.

Hasil dari kesan yang akan diperolehi nanti mungkin boleh dijadikan panduan dan perbandingan oleh guru-guru bahasa khususnya dalam menentukan kaedah yang akan digunakan untuk mengajar sesuatu aspek bahasa kepada pelajar-pelajar.

Dua kaedah yang menjadi pusat penyelidikan ialah Kaedah Deduktif yang didasarkan kepada 'grammar study method' dan Kaedah Induktif yang didasarkan kepada teori pembinaan habit ('habit formation theory')

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran tatabahasa (kata kerja) yang sesuai bagi pelajar tingkatan dua. Di samping itu kajian ini juga cuba meninjau sejauh manakah kaedah pengajaran tersebut iaitu kaedah induktif dan deduktif dapat membantu pelajar memahami dan menguasai kata kerja Bahasa Melayu.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk:

- i. Mengenalpasti sama ada terdapatnya hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran dengan penguasaan kata kerja pelajar-pelajar yang terlibat.
2. Menentukan perhubungan di antara pencapaian dalam Bahasa Melayu dengan kaedah pengajaran yang sesuai.
3. Mengenalpasti kaedah pengajaran yang sesuai digunakan di dalam bilik darjah di antara pelajar Melayu dan bukan Melayu.
4. Mengenalpasti kaedah pengajaran yang sesuai digunakan di dalam bilik darjah untuk pelajar perempuan dan pelajar lelaki.
5. Mengenalpasti kesan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu ke atas pencapaian Bahasa Melayu.
6. Mengenalpasti kesan sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu ke atas pencapaian Bahasa Melayu.

Soalan Kajian

Beberapa soalan dasar yang ingin diuji dan diketahui oleh pengkaji dalam penyelidikan ini ialah:

- i. Apakah ada perbezaan yang signifikan dari segi kesan ke atas pencapaian pelajar-pelajar dalam memahami dan menguasai kata kerja Bahasa Melayu yang diajar melalui dua pendekatan yang berlainan.
2. Adakah terdapat perbezaan pencapaian di antara pelajar Melayu dan bukan Melayu yang terlibat dalam kaedah pengajaran Induktif.
3. Adakah terdapat perbezaan pencapaian di antara pelajar Melayu dan bukan Melayu yang terlibat dalam kaedah pengajaran Deduktif.
4. Adakah terdapat perbezaan pencapaian di antara pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kaedah pengajaran Induktif.
5. Adakah terdapat perbezaan pencapaian di antara pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kaedah pengajaran Deduktif.
6. Bagaimanakah sikap dan pandangan pelajar-pelajar terhadap pelajaran yang diberikan menerusi kedua-dua kaedah tersebut.

7. Adakah pendekatan pengajaran dan jantina merupakan faktor yang mempengaruhi corak perubahan sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran Bahasa Melayu.

Kepentingan Kajian

Seringkali kita membaca dan terbaca tulisan-tulisan yang menyentuh tentang masalah perkaedahan bahasa dan kelemahan pelajar-pelajar sekolah khususnya dari segi penggunaan dan pencapaian Bahasa Melayu dalam peperiksaan. Selalunya kelemahan pelajar-pelajar dalam menguasai Bahasa Melayu dikaitkan dengan kaedah pengajaran yang digunakan. Banyak terdapat tokoh-tokoh pendidik bahasa dan ahli-ahli bahasa yang cuba memberi dan mencari jalan penyelesaian dalam menentukan kaedah pengajaran bahasa supaya mendapat hasil yang memuaskan.

Tidak kurang pula yang ingin memberi cadangan yang bertujuan untuk memberi nafas baru kepada cara-cara mengajar bahasa yang lebih efektif, lebih menarik minat pelajar dan yang boleh membantu pelajar-pelajar mendapat kemahiran bahasa yang lebih cekap. Tetapi amat sedikit sekali didapati usaha-usaha yang konkrii dilakukan untuk menguji kesan perkaedahan yang dicadangkan itu bagi memperkuatkan dan menyokong hujah-hujah yang pernah diketengahkan.